

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

KENYATAAN MEDIA

**KES PERGADUHAN MURID DI SEKOLAH, JPN KEDAH AMBIL
TINDAKAN TEGAS**

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah mengambil serius insiden pergaduhan melibatkan sekumpulan murid di sebuah sekolah di negeri ini. Kes ini telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa.

Pihak sekolah juga telah selesai menjalankan siasatan dalaman yang menyeluruh. Hukuman tegas gantung sekolah dan buang sekolah telah diambil ke atas murid yang bersalah.

JPN Kedah menegaskan bahawa tiada kompromi terhadap isu buli, keganasan dan salah laku murid. Semua institusi pendidikan di negeri ini diminta mematuhi prosedur pengurusan disiplin semasa, mengutamakan keselamatan murid dan melaksanakan intervensi pencegahan bagi memastikan kesejahteraan seluruh warga pendidikan terpelihara.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
27 NOVEMBER 2025**